

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.1/2002

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN DAN PEMBELI-PEMBELI RUMAH MULAI 6 SEPTEMBER 2001 HINGGA 5 MAC 2002

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 29 Ogos 2001 setelah menimbang Kertas SUK.D.200(04)/402/1 telah membuat keputusan untuk memberi beberapa keistimewaan kepada syarikat-syarikat pemaaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah yang menyertai Expo Hartanah Malaysia (MAPEX 2001) Peringkat Negeri Kelantan yang telah diadakan pada 6 September 2001 hingga 31 Disember 2001.

2. Keistimewaan-keistimewaan yang hanya diberi kepada syarikat-syarikat pemaaju perumahan yang telah melaksanakan projek dan pembeli-pembeli rumah dalam tempoh selama 6 bulan iaitu mulai 6 September 2001 hingga 5 Mac 2002. Tempoh ini merujuk kepada tarikh penerimaan borang pindahmilik dan dokumen berkaitan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah berkenaan. Keistimewaan yang diberikan tidak lagi terpakai selepas daripada tempoh tersebut.

3. Syarikat-syarikat pemaaju perumahan dan pembeli-pembeli hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen lengkap semasa pendaftaran hakmilik dalam tempoh tersebut dan syarikat-syarikat pemaaju perumahan yang tidak melaksanakan projek dalam tempoh tersebut walaupun menyertai MAPEX adalah tidak layak mendapat kemudahan tersebut.

4. Adapun keistimewaan yang diberikan adalah seperti berikut:-
- a. Pengecualian bayaran pendaftaran hakmilik tanah bagi pendaftaran hakmilik pertama sahaja.
 - b. Pengecualian bayaran pendaftaran gadaian tanah bagi pendaftaran gadaian pertama sahaja.
 - c. Orang Melayu Bukan Anak Kelantan yang ada kaitan dengan Orang Kelantan seperti berkahwin dengan Orang Kelantan, bekerja di Kelantan dan mempunyai pertalian dengan Orang Kelantan dan lain-lain kaitan yang difikirkan sesuai oleh Pentadbir Tanah sahaja dibolehkan membeli rumah tanpa kelulusan EXCO walaupun tidak sampai lima (5) tahun menetap di Kelantan.
5. Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta meneliti dengan cermat apabila melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang tersebut di atas. Bagi para 4.3 Pentabir Tanah hendaklah membuat siasatan dan mengangkat fail berkenaan untuk pengesahan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian sebelum ianya diberi kelulusan.

t.t

(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL: PTG. KN.6575 JLD.2 (12)

**Bertarikh : 26 Syawal 1422
10 Januari 2002**